

21/09/2003

Dr Mahathir turun padang balas budi Barisan Nasional

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjanji akan turun padang berkempen untuk calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang sebagai langkah membalas budi, walaupun bukan lagi Perdana Menteri dan tidak menjadi calon.

"Saya sendiri akan turun padang. Saya akan berkempen walaupun sebagai ahli biasa yang tidak menjadi calon. Saya akan terus berkempen.

"Ini kerana saya tidak lupa bahawa ramai orang telah kempen untuk saya sebelum ini supaya saya dapat jadi Perdana Menteri. Sekarang giliran saya membalas budi," katanya pada sidang media selepas majlis menghadiri perayaan ulang tahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di sini, semalam.

Pengerusi BN itu juga yakin BN akan dapat mengekalkan rekod kemenangan dua pertiga dalam pilihan raya umum akan datang.

Mengenai Kelantan dan Terengganu, Dr Mahathir berkata, beliau nampak ada peluang lebih cerah sekarang untuk BN menawan semula kedua-dua negeri itu yang kini di tangan Pas.

Ditanya sama ada beliau secara peribadi akan memberi tumpuan kepada dua negeri yang dikuasai Pas itu apabila turun padang sebagai ahli biasa selepas bersara nanti, beliau berkata:

"Mungkin... mungkin juga. Sekarang ini saya tak ada masa nak pergi Kelantan dan Terengganu. Bila saya dah berhenti (jadi Perdana Menteri) bolehlah saya pergi.

"Tinggal lagi jangan siapa-siapa ikut saya. Bila saya tak jadi Perdana Menteri saya tak boleh tolonglah orang. Secara peribadilah," katanya berseloroh.

Ketika ditanya kemungkinan masa sesuai untuk mengadakan pilihan raya umum dalam tempoh terdekat ini berikutan 'mood' BN ketika ini yang sedang memuncak dengan sokongan padu rakyat, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Secara berseloroh, beliau berkata: "Kita tak bolehlah cerita kat you (media). Kalau cerita habislah," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah yang duduk di sebelah kanannya cuma senyum dan mencelah dengan jawapan 'rahsia'.

Menjawab soalan mengenai kemungkinan ada cadangan menggabungkan parti-parti komponen BN yang terlalu banyak di Sabah dan Sarawak sekarang, beliau berkata itu terpulang kepada mereka sendiri.

Katanya, jika mereka tidak mahu bergabung kerana ada kelainan pendapat atau kerana suku kaum yang berlainan, itu juga terpulanglah kepada mereka.

"Kita tak paksa. Di Malaysia kita tak paksa sesiapa menerima apa-apa pun. Kita bebas. Semua kaum dengan cara mereka dan semua parti dengan cara mereka asalkan mereka mematuhi prinsip perjuangan BN, prinsip perjuangan kongsi kuasa," katanya.

Beliau berkata, BN juga tidak menerima sesuka hati parti-parti baru yang ditubuhkan di kedua-dua negeri berkenaan, akibat krisis dalaman parti asal.

"Kalau tak ada sebab kita tak terima (permohonan menjadi anggota BN). Kita pun berhati-hati juga, nak terima permohonan parti baru," katanya.

Sementara itu, pada sidang media sama, Perdana Menteri turut menyatakan puas hatinya terhadap sokongan padu yang diberikan oleh semua pihak kepada Abdullah sebagai pengganti beliau selepas Oktober ini.

Katanya, beliau berpuas hati kerana tidak ada siapapun yang mengeluarkan pendapat yang negatif dan semuanya memberi jaminan akan memberi sokongan padu kepada timbalannya itu.

"Jadi saya puas hati dan saya rasa cukup lega," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak bimbang menyerahkan pucuk

kepimpinan kepada Abdullah ketika pilihan raya umum semakin hampir.

"Dalam pilihan raya lalu pun, semasa saya ada sebagai Presiden (Umno), Pak Lah memainkan tanggungjawab yang besar dalam pilihan raya.

"Bahkan kadang-kadang saya tak turun padang pun. Saya serah kepada Pak Lah. Jadi tak ada masalahlah," katanya.